



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (62)
Tarikh : 13 Disember 2023
Bersamaan : 29 Jamadilawwal 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 60/2023/O : PENYELARASAN PEMBAYARAN GAJI MYSTEP
BULAN DISEMBER 2023 MELALUI MODUL *DAILY RATED* HCM DI iGFMAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2023 (425) bertarikh 12 Disember 2023.

2. Untuk makluman, Jabatan ini tiada halangan untuk memproses gaji MySTEP bagi bulan Disember 2023 berdasarkan emel Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 12 Disember 2023. Justeru, PTJ perlu melaksanakan pembayaran gaji *MySTEP* bulan Disember 2023 secara Sistem Emolumen Berkomputer (*payroll*) dengan mematuhi garis panduan seperti berikut :

Jadual Tarikh Pembayaran Gaji *Daily Rated* (DR) Disember 2023

Tarikh Pembayaran Gaji	Tarikh Kunci Masuk (PA40 & PA30)	Tarikh Larian Gaji
29 Disember 2023	13 - 14 Disember 2023	18 Disember 2023


3. Untuk makluman, **Proses Larian Gaji bulan Disember 2023 dibuat sekali sahaja iaitu pada 18 Disember 2023 dan tiada Proses Larian Gaji *Daily Rated* (DR) pada bulan Januari 2024**. Sekiranya terdapat keciciran pembayaran gaji secara *payroll*, pembayaran perlu dilaksanakan secara Arahan Pembayaran pada tahun hadapan.

4. Pembayaran gaji ini mengambilkira MySTEP telah selesai memberi perkhidmatan pada bulan Disember 2023. Namun, Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan output bulan Disember 2023 tercapai. Sekiranya pegawai tersebut berhenti / tidak menyelesaikan output sebelum 29 Disember 2023, Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan kutipan lebihan bayaran gaji dilaksanakan.
5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.